



*Keusahawanan &
Kepimpinan Wanita*

She Believed, She Could, So She Did.

Noorshella Che Nawi
Noorul Azwin Md Nasir
Siti Afiqah Zainuddin
Tahirah Abdullah
Noor Mariana Mohd Din
Muhammad Luqman Ab Raof

SHE BELIEVED, SHE COULD, SO SHE DID.

Dari Wanita Kepada Wanita

Cetakan Pertama : 2022
ISBN : 978-967-0021-03-4

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Panel Penasihat Projek : YBhg Prof Dr Nik Maheran Nik Muhammad
YBhg Prof. Madya Dr. Noorshella Che Nawi

Penyunting : Prof. Madya Dr. Noorshella Che Nawi (UMK)
Dr Siti Afiqah Zainuddin (UMK)
Dr Noorul Azwin Md Nasir (UMK)
Dr Tahirah Abdullah (UMK)
Dr Noor Mariana Mohd Din (UMK)
Muhammad Luqman Ab Raof (WLF)

Penerbitan : Prof. Madya. Dr. Mohd Asrul Hery Bin Ibrahim (UMK)
Puan Nor Syafawati Binti Abd Rahman

Konsep Reka Bentuk Kulit : Nuur Rasyiid Md Yusof

Diterbitkan oleh:

Universiti Malaysia Kelantan
16100 Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09-7717000 | Faks: 09-771 7000

KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
DARI MEJA KETUA EDITOR	4
DARI PERSPEKTIF USAHAWAN WANITA KORPORAT	6
DEFINISI KEJAYAAN BAGI USAHAWAN WANITA DI PENTAS GLOBAL	9
DEFINISI KEJAYAAN BAGI SEORANG USAHAWAN WANITA DARI SUDUT PENDIDIK KEUSAHAWANAN DAN KEPIMPINAN	30
DEFINISI KEJAYAAN BAGI USAHAWAN WANITA DI PENTAS TEMPATAN	32
WORD CLOUD	61
MEJA PENULIS	62
MEJA EDITOR	63

Dari Meja Ketua Editor



Bagaimana tercetusnya idea untuk menghasilkan buku ini?

Seringkali terlintas difikiran saya, apakah definisi kejayaan bagi seseorang yang bergelar usahawan baik lelaki mahupun wanita. Adakah terdapat persamaan atau percanggahan dalam pentakrifan definisi kejayaan bagi mereka? Apa yang mereka lihat dan faham tentang kejayaan? Apa pengukuran kejayaan bagi mereka?

Hal ini meninggalkan seribu satu persoalan dalam kotak fikiran saya, lalu, terhasillah buku rampai sari ini khusus dari para wanita hebat yang telah berjaya membuktikan bahawa wanita itu bukan kaleng-kaleng sebagai aspirasi buat wanita di luar sana. Persoalan-persoalan ini menggerakkan hati saya untuk menyelami dengan lebih dalam bagaimana usahawan wanita melihat dan mengukur kejayaan mereka. Pasti wujud perbezaan ataupun keunikan ataupun kelainan ataupun kesamaan antara mereka.

Sesungguhnya wanita merupakan insan yang dijadikan oleh Allah SWT yang cukup sempurna kejadiannya. Seorang yang dijadikan dengan penuh sifat lemah lembut, lembut tutur bicaranya tetapi tegas dalam tindakannya. Bila jelas matlamatnya, segala

perancangan pasti tersusun untuk mencapai keinginan dan impiannya. Tidak dinafikan kaum adam juga mempunyai kekuatan yang tersendiri. Malah kejayaan demi kejayaan yang dilakar oleh mereka telah terbukti dalam pelbagai arena dan industri. Walaubagaimanapun kejayaan ini tidak harus mengeneipkan kejayaan kaum hawa. Bak kata pepatah, “Siapa yang menanam benih, merekalah yang selayaknya mengaut hasil”. Wanita melihat kejayaan dari perspektif yang berbeza kerana mereka adalah tunjang kepada keseimbangan emosi diri dan keluarga. Wanita juga sentiasa mendahulukan keperluan dan kepentingan keluarga sehingga seringkali melupakan kehendak serta keperluan diri sendiri. Walhal, kedua-dua matlamat ini boleh dicapai dan menjadikan wanita itu lebih bahagia dan membahagikan.

Wanita haruslah bangkit bersama, menempuh onak dan duri. Pimpinlah tangan dan berjalanlah seiringan. Saya yakin dan percaya, demi seseorang wanita itu berjaya, dia perlu mengangkat dan membawa wanita lain untuk turut sama berjaya. “Hanya Wanita memahami kehendak wanita” dan “Dari Wanita kepada Wanita”.

PROF. MADYA. DR. NOORSHELLA CHE NAWI
PENGARAH ~ GERIC, UMK.

PENGHARGAAN

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Women Leadership Foundation (WLF)** atas sumbangan dan tajaan serta sokongan yang diberikan bagi menjayakan usaha penerbitan buku **“Women Leadership & Entrepreneurship: She believed, She could, so She did”** ini. WLF turut membantu dalam mengenalpasti seramai 22 usahawan wanita berjaya di seluruh negara dan melibatkan mereka dalam penerbitan ini.

Pihak UMK amat berbesar hati dengan kesudian pihak **YBhg. Dato’ Hazimah Zainuddin** merangkap Timbalan Pengerusi I, WLF dalam membantu pihak kami untuk memartabatkan agenda keusahawanan wanita Malaysia. Segala kerjasama dan perhatian dari pihak WLF berhubung perkara di atas amat kami hargai.

Institut Keusahawanan UMK (UMK-EI), usahawan-usahawan wanita dan penyelidik UMK di atas sokongan dan kerjasama dalam menjayakan penghasilan buku ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

